

1 Jam 15 Minit

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

1. Pasangan manakah berkaitan ciri perniagaan francais?

	Francaisor	Francaisi
A	Memberikan kebenaran menggunakan cap dagangan	Menentukan tempoh perjanjian kontrak
B	Merancang aktiviti promosi perniagaan	Membuat pembayaran fi
C	Mengikut sistem yang telah ditetapkan	Menjalankan penyelidikan pemasaran
D	Menyediakan sumber manusia	Mempunyai reka bentuk yang seragam

2. Maklumat berikut berkaitan sebuah bentuk pemilikan perniagaan.

• Tidak berunsurkan politik • Anggota menerima dividen
--

Apakah contoh bentuk pemilikan tersebut?

- A Global Vanture Sdn. Bhd
- B Klinik Kanak-Kanak Mohan dan Omar
- C Koperasi Penduduk Taman Mulia
- D Kedai Runcit Gayah

3. Apakah kelebihan menjadi rakan kongsi lelap?

- A Bayaran gaji secara bulanan
- B Bebas menguruskan perniagaan
- C Hanya menyumbang modal perniagaan
- D Kerugian tidak melibatkan aset peribadi

4. Antara berikut, pernyataan manakah berkaitan syarikat awam berhad?

- I Menikmati ekonomi bidangan
- II Laporan tahunan diterbitkan kepada umum
- III Pembelian saham dikalangan ahli keluarga
- IV Menanggung liabiliti tidak terhad

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5. Maklumat berkaitan sebuah perniagaan Agensi Pelancongan Mulia Sdn.Bhd

- 25 orang pekerja tetap
- Jualan tahunan sebanyak RM 895 000

Apakah klasifikasikan perniagaan tersebut?

	Sektor	Saiz
A.	Kedua	Kecil
B.	Ketiga	Besar
C.	Kedua	Besar
D.	Ketiga	Kecil

6. Situasi manakah yang berkaitan dengan sektor primer.

- A Encik Alias merupakan petani dalam bidang hidroponik
- B Puan Yati menjual kopi yang dibrew segar
- C Puan Susanti membuka pusat tuisyen
- D Encik Lim pengusaha kilang tayar

7. Antara berikut, manakah faktor peralihan sektor dari selepas merdeka kepada era 1990-an?

- I Pengurangan kebergantungan kepada barang import
- II Menggalakkan aktiviti mengeluarkan sumber semula jadi
- III Meningkatkan aktiviti perkhidmatan selepas jualan
- IV Penyumbang utama eksport malaysia

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8. Apakah akta yang menghalang syarikat daripada menyembunyikan maklumat berkaitan produk yang dijual?
- A Akta Sewa Beli 1967
 - B Akta Kawalan Harga 1946
 - C Akta Perhubungan Industri 1967
 - D Akta Perihal Dagangan 1972
9. Gambar 1 berkaitan peranan sebuah agensi kerajaan.



Apakah peranan agensi tersebut?

- A Menjalankan aktiviti promosi perniagaan
 - B Menawarkan pembiayaan kewangan
 - C Menawarkan latihan dan pembangunan
 - D Menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan
10. Maklumat berikut menunjukkan masalah yang dihadapi sebuah syarikat.

Syarikat Lee Enterprise gagal menyiapkan tempahan yang diminta oleh pelanggan.

Apakah faktor dalaman yang menyebabkan perubahan persekitaran tersebut?

- A Ketidakcekapan sumber manusia
- B Perubahan undang-undang
- C Ekonomi meleset
- D Politik yang tidak stabil

11. Pernyataan berikut berkaitan gaya pengurusan.

Tindakan pengurus dapat menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan pekerja

Apakah X?

- A Autokratik
- B Demokratik
- C Sederhana
- D *Laissez-faire*

12. Maklumat berikut diperolehi dari Kedai Nasi Arab Al-Qawwiyul Amin.

Kos tetap : RM 2000
Kos berubah seunit : RM 5.00
Harga seunit : X
Titik Pulang Modal : 1000 unit

Hitung X?

- A RM 10.00
- B RM 7.00
- C RM 3.00
- D RM 2.50

13. Berikut merupakan sebuah Carta Gantt

BIL	PERKARA	BULAN						
		JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JUL
1	Mesyuarat Agung 1/2019							
2	Menghasilkan dan Mendeklamasikan Sajak							
3	Menghasilkan Pantun dan Berpantun							
4	Bengkel Bahasa							
5	Aktiviti Bercerita/Berdialog							

Apakah tujuan carta ini dibina?

- I Membantu merancang tempoh masa bagi setiap projek
- II Menerangkan jenis aktiviti yang dirancang
- III Menjadi panduan dalam penilaian pekerja
- IV Membantu merangka misi perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14. Berikut merupakan objektif yang ingin dicapai oleh sebuah syarikat.

Encik Omar merupakan penjual lemang berjaya di Kijal

Apakah ciri tersebut?

- A Boleh dicapai
- B Boleh diukur
- C Realistik
- D Spesifik

15. Maklumat berikut berkaitan faktor mempengaruhi perubahan objektif perniagaan.

Cita rasa dan taraf hidup yang berbeza mempengaruhi perbelanjaan pengguna untuk membeli barangan teknologi seperti telefon bimbit.

Apakah faktor tersebut?


- A Ekonomi
- B Teknologi
- C Sosiobudaya
- D Undang-undang

16. Antara berikut, manakah faktor kemampuan perniagaan bertahan dalam industri?

- I Syer pasaran
- II Sumber manusia
- III Jaringan
- IV Jualan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17. Maklumat berkaitan sebuah fungsian.




Apakah Y?

- A Sumber manusia
- B Pentadbiran
- C Pengagihan
- D Kewangan

18. Apakah langkah pertama dalam pembelian bahan mentah?

- A Membuat pesanan pembelian
- B Memeriksa sebut harga daripada pembekal
- C Menerima tempahan belian daripada pengurus jualan
- D Menerima barangan daripada pembekal


19. Maklumat berikut berkaitan pembangunan produk baharu.



Apakah R?

- A Pengujian konsep
- B Pembangunan strategi pemasaran
- C Pembangunan produk
- D Komersialisasi

20. Rajah 1 menunjukkan proses aliran barang dalam perniagaan



Apakah proses di R?

- A Penetapan jadual aktiviti pengeluaran
- B Penentuan pembelian bahan yang diperlukan
- C Merekod tempahan yang telah dibuat oleh pelanggan
- D Memproses bahan mentah mengikut spesifikasi yang ditetapkan



21. Maklumat berikut berkaitan dengan kemahiran kebolehkeraan.

JAWATAN KOSONG
PEGAWAI PENYELIDIKAN GRED 41
INSTITUT PENYELIDIKAN SAINS MALAYSIA

Keperluan bidang:
(i) Bioteknologi
(ii) Alam Sekitar

Apakah kemahiran kebolehkeraan tersebut?

- A Kelayakan yang sesuai
- B Keberkesanan mencapai sasaran individu
- C Berpengetahuan tentang perkhidmatan
- D Berpengalaman dalam industri tertentu

22. Maklumat berkaitan sistem penggajian.

Pn Alya : Dibayar 15% hasil daripada jualan produk penapis air

En Din : Dibayar RM100 sehari setiap kali datang kerja

Pn Ani : Dibayar amaun tetap sebanyak RM 2500 sebulan

Apakah sistem penggajian tersebut?

	Pn Alya	En Din	Pn Ani
A	Komisen	Upah	Gaji
B	Upah	Komisen	Elaun
C	Gaji	Elaun	Upah
D	Elaun	Gaji	Komisen

23. Pernyataan manakah berkaitan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)?

- A Pengeluaran simpanan apabila mencapai umur 55 tahun
- B Melindungi majikan daripada tuntutan pekerja
- C Diberikan komisen berdasarkan pelaburan
- D Terdiri daripada akaun satu

24. Maklumat berikut berkaitan struktur organisasi sebuah syarikat.

En Razali telah menghantar memo kepada semua pengurus cawangan Pantai Barat dan Timur untuk menghadiri mesyuarat bulanan di ibu pejabat.

Apakah struktur organisasi tersebut?

- A Matrik
- B Wilayah
- C Produk
- D Pelanggan

25. Pasangan manakah betul?

	Jenis Sumber Fizikal	Keterangan
A	Kilang	Tempat untuk menjalankan operasi perniagaan
B	Bangunan	Tempat memproses bahan mentah kepada produk siap
C	Produk siap	Digunakan dalam penghasilan output
D	Stok	Simpanan barang di dalam gudang

26. Antara berikut, yang manakah contoh paten?

- I Rekabentuk masjid
- II Resipi masakan
- III Rakaman bunyi
- IV Rakaman filem

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27. Maklumat berikut berkaitan dengan agensi kerajaan.

- Memantau pembangunan harta intelek di Malaysia
- Perlindungan undang-undang kepada pemilik harta intelek

Apakah agensi kerajaan tersebut?

- A MARA
- B TEKUN
- C MyIPO
- D MOSTI

28. Jenis pembiayaan manakah yang ditawarkan oleh agensi kerajaan?

- A Modal permulaan
- B Jaminan kredit
- C Rizab tual
- D Sewa beli

29. Antara berikut, yang manakah butiran dalam kunci kira-kira?

- I Jualan bersih
- II Untung kasar
- III Liabiliti semasa
- IV Ekuiti pemilik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30. Maklumat berikut berkaitan penyata aliran tunai bagi sebuah syarikat

SYIFA FLORIST Penyata Aliran Tunai bagi bulan berakhir 31 Julai 2023	
Butiran	Julai (RM)
Baki b/b	15 400
PENERIMAAN	
Modal	30 000
Jualan Tunai	2 560
Jumlah Penerimaan	32 560
PEMBAYARAN	
Gaji	1 740
Akaun Belum Bayar	9 950
Jumlah Pembayaran	11 690
Lebihan / (Kurangan)	20 870
Baki h/b	R

Berapakah nilai **R**?

- A RM 20 870
 - B RM 32 562
 - C RM 36 270
 - D RM 44 250
31. Pilih formula yang benar?

	Nisbah asas	Formula
A	Untung bersih	$\frac{\text{Untung bersih}}{\text{Kos jualan}} \times 100 \%$
B	Untung kasar	$\frac{\text{Untung kasar}}{\text{Modal awal}} \times 100 \%$
C	Nisbah semasa	$\frac{\text{Aset semasa}}{\text{Liabiliti semasa}}$
D	Pusing ganti aset	$\frac{\text{Jualan bersih}}{\text{Kos jualan}}$

32. Antara berikut, yang manakah berkaitan ciri usahawan bersifat fleksibel?

- I Menukar strategi perniagaan mengikut perubahan semasa
- II Mencipta produk baharu
- III Mengubah suai sesuatu produk menjadi lebih berkualiti
- IV Menyesuaikan pendekatan perniagaan dengan situasi tertentu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33. Maklumat berikut berkaitan kekuatan diri usahawan.

- Kebolehan bekerja dalam kumpulan
- Kemahiran membuat keputusan

Apakah kekuatan yang dimiliki usahawan tersebut?

- A Keupayaan membina jenama
- B Fokus tenaga dan tumpuan
- C Pembangunan karakter diri
- D Perhubungan baik dengan pasangan

34. Maklumat berikut berkaitan ciri bentuk pemilikan perniagaan.

- Ahli antara 2 – 20 orang
- Liabiliti tidak terhad

Akta manakah yang sesuai dengan bentuk milikan tersebut?

- A Pendaftaran Perniagaan 1956
- B Syarikat 1965
- C Francais 1998
- D Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

35. Apakah tanggungjawab usahawan selepas pendaftaran perniagaan?

- A Nama perniagaan ditulis pada dokumen rasmi
- B Menggantung papan tanda perniagaan mengikut spesifikasi kerajaan pusat
- C Daftar perubahan maklumat selepas 30 hari daripada tarikh perubahan
- D Menghantar dokumen sokongan ke SSM

36. Maklumat berikut berkaitan kaedah promosi

- Promosi melalui media cetak atau media elektronik
- Pemasaran di instagram dan tiktok

Apakah kaedah promosi tersebut?

- A Publisiti
- B Pengiklanan
- C Jualan langsung
- D Promosi jualan

37. Pasangan manakah betul?

	Stok bergerak pantas	Stok bergerak perlahan
A	Tidak tahan lama	Tahan lama
B	Berisiko tinggi	Berisiko rendah
C	Kereta mewah	Tepung
D	Perlu ambil masa untuk dijual	Ambil masa yang singkat untuk dijual

38. Dokumen manakah berkaitan pembelian barang niaga secara kredit?

A

RESIT
KEDAI SERBANEKA MAJU JAYA
 No. 23, Jalan Kenanga, 45900 Kajang, Selangor

Tarikh: 15 Mei 2025-1023
 No. Resit: R20250515-1023

Item	Item	Harga Indi	Jumlah (mm)
2	Roli Gardenia	3.00	6.00
1	Air Mineral 1.3l.	2.50	2.30
1	Bateri A 4 (2 unii)	4.00	4.00

Jumlah **RM 12.50**
 Tunai

C

PENYATA BANK
MAYBANK BERHAD
 Akauri 1140 8877 09C3
 Nama: Mohd Azhar Bin Saliah

Tarikh	Butiran	Kredit	Baki
01/05/25	Baki Permulaan	7,300.00	5,300.00
08/05/25	Gali Masuk	2,000.00	6,600.00
08/05/25	Bayaran Kad	600.00	5,400.00
08/05/25	Bili TNB	130.00	5,230.00
12/05/25	Pembayaran Shoppes	100.00	5,100.00

B

MEMO

Tarikh: 13 Mei 2025
 Darpada, Pengurus Operasi
 Kepada: Semua Kakitangan

Subjek: Cuti Umum dan Operasi Semasa

Sila ambli maklum habwa-pejabat akan ditutye dart 17 Mei hingga 23 Mei 2025 sempan cuti Hari Raya Aidilfitri. Semua rugasan perlu disiapkan selewar lowamya 16.Mei.

Sekian, harapa maklum.
 — Pengurus Operasi

D

INVOIS
SYARIKAT ELEKTRIK TEGUH SON BHD
 Let 69: Jalan Teknologi, 47.500 Petaling (Set: Salang
 Teli 20 7054/3211) Email: sales@elekrittegui.com.my

Kepada,: INGS: INV: 3557
En. Ahmad Fikri Tarikh Imels: 34 Me:225
 No. 16. Jalan Balduri, 500.0.C: kumpur

Jumlah Keseluruhan RM 1540.00

Jumlah	Harga	Jumlah
Kipas Sling Panasonic	250.00	1350.00
Pendawalan 3 Meter	80.00	240.00
Caj Penghantaran	80.00	80.00

Term Bayaran: 14 hari selepas mvois

39. Apakah kepentingan rancangan perniagaan kepada peniaga?

- A Mencari pekerja yang berkemahiran
- B Rujukan sebelum membuat pelaburan
- C Menjangka risiko yang akan berlaku
- D Panduan untuk memberi pinjaman

40. Maklumat berikut berkaitan rancangan perniagaan

Melakarkan carta alir proses pengeluaran
--

Apakah bahagian dalam rancangan perniagaan yang terlibat?.

- A Ringkasan eksekutif
- B Pengeluaran
- C Pentadbiran
- D Operasi

SOALAN TAMAT